



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN 2026 PERINGKAT KEBANGSAAN GEGAR SABAH SASAR 250 RIBU PENGUNJUNG

PUTRAJAYA, 5 Jun – Seramai 250 ribu pengunjung dijangka memeriahkan **Sambutan Minggu Perpaduan 2026 Peringkat Kebangsaan** anjuran **Kementerian Perpaduan Negara (KPN)** yang akan berlangsung di **Pekarangan Stadium Likas, Kota Kinabalu Sabah pada 11-14 Jun 2026** ini. Majlis perasmian sambutan akan disempurnakan oleh **YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri** pada 13 Jun 2026.

Dengan tema “**Bersama Membina Negara Bangsa**”, Sambutan Minggu Perpaduan membawa makna yang sangat signifikan dalam usaha memperkukuh keharmonian dan membentuk jati diri rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, agama dan budaya. Ia merupakan satu **wadah perpaduan dan tapak integrasi baharu yang berkesan sehingga ke peringkat akar umbi**, yang membolehkan rakyat menyelami dan menghayati nilai perpaduan dalam erti kata sebenar.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata, “Sambutan Minggu Perpaduan adalah **wadah penting dalam memperkukuh perpaduan dengan menghimpunkan rakyat daripada pelbagai latar belakang kaum, agama dan budaya dalam semangat kebersamaan**. Apabila nilai saling menghormati, memahami dan menerima kepelbagaian berjaya dipupuk dalam komuniti setempat, ia akan menjadi asas kukuh kepada pembentukan sebuah negara yang bersatu padu, harmoni dan sejahtera. Perpaduan yang bermula di peringkat akar umbi inilah yang akhirnya menjadi kekuatan utama dalam menjamin kestabilan, kemajuan dan kemakmuran Malaysia”.

Lebih 50 aktiviti menarik disediakan kepada para pengunjung sepanjang sambutan ini. Antara yang akan menjadi tumpuan ialah **Pameran Rumah KAMI** iaitu rumah etnik yang menampilkan 15 etnik seperti Kadazan, Rungus, Murut, Chetti, Portugis, Iban, Orang Ulu, Bajau dan Rungus. Pelbagai aktiviti menarik disediakan di Rumah KAMI seperti pameran perkahwinan, permainan dan alatan muzik tradisional, serta tarian serta pakaian tradisional.

Selain itu, KPN juga menampilkan **Perkampungan Etnik** Melayu, Cina, India, Baba Nyonya dan Siam yang sarat dengan pengisian aktiviti interaktif kepada para pengunjung. Turut diadakan ialah **Pameran Bersama Membina Negara Bangsa, Pameran Raja Kita : Kesetiaan kepada Raja dan Negara**, Jualan Rahmah, jualan usahawan, pameran aset-aset keselamatan dan perkhidmatan jabatan dan agensi kerajaan.

Khusus buat generasi muda, KPN menyediakan pendidikan interaktif seperti pesta buku, sukan tradisional, permainan e-sports, kembara Ilmu @Sabah, Pameran Petrosains, AR dan VR Metaverse dan Sudut Baca@Cafe. Pengunjung juga bakal diserikan dengan pelbagai persembahan menarik seperti Pertandingan Sabah Idol, Pertandingan Ratu Perpaduan, Pertandingan Tarian Etnik Kreatif, serta Persembahan Konsert Malam Unity Sama-sama yang menampilkan artis terkemuka tanah air seperti Dato' Awie, Jaclyn Victor, Velvet Aduk, Qiqi Chen, Estranged dan Zubir Khan.

Kementerian Perpaduan Negara menyeru orang ramai terutama masyarakat di Sabah agar hadir beramai-ramai untuk memeriahkan Sambutan Minggu Perpaduan ini. Masuk adalah percuma. Sebarang maklumat lanjut, layari laman sosial media rasmi Kementerian Perpaduan Negara.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

5 Jun 2026

KPN.100-9/1/16 (53)